



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Kerajaan Negeri Terengganu dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 23.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting). Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman Kerajaan Negeri Terengganu;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persempahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Pegawai Kewangan Negeri telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK SERI NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA

8 SEPTEMBER 2022



4 / 4

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI TERENGGANU**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan dan Pusat Tanggungjawab di bawah Kerajaan Negeri Terengganu.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2021.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2021.


DATO' HAJI ROZAN BIN SALLEH
Pegawai Kewangan Negeri Terengganu
6 September 2022


HAJAH MARZIALINA BINTI MOHAMED
Bendahari Negeri Terengganu
6 September 2022

LAMPIRAN III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2021

	<u>Nota</u>	<u>2021</u>	<u>2020</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	234,517,287.76	466,197,753.14
PELABURAN	4	100,000,000.00	0.00
		<hr/> <u>334,517,287.76</u>	<hr/> <u>466,197,753.14</u>
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	170,736,299.28	203,358,035.47
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	163,780,988.48	262,839,717.67
		<hr/> <u>334,517,287.76</u>	<hr/> <u>466,197,753.14</u>

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAMPIRAN IV

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	<u>2021</u>	<u>2020</u>		
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
TERIMAAN				
Hasil				
Hasil Cukai		67,823,512.67		64,702,839.11
Hasil Bukan Cukai		148,085,456.07		137,326,425.98
Terimaan Bukan Hasil		<u>1,376,815,647.07</u>		<u>1,399,566,607.20</u>
		1,592,724,615.81		1,601,595,872.29
Pinjaman				
Pinjaman Dalam Negeri	6	0.00		0.00
Pinjaman Luar Negeri		<u>0.00</u>		<u>0.00</u>
		0.00		0.00
Terimaan Modal				
Jualan Instrumen Kewangan		0.00		110,000,000.00
Pelbagai Terimaan Modal		<u>0.00</u>		<u>20,988,214.91</u>
		0.00		130,988,214.91
Terimaan Lain				
Terimaan Amanah	7	<u>13,068,343,162.15</u>		<u>7,451,202.09</u>
		13,068,343,162.15		7,451,202.09
Jumlah Terimaan		14,661,067,777.96		1,740,035,289.29

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)

bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

	<u>Nota</u>	2021		2020	
		RM	RM	RM	RM
BAYARAN					
Perbelanjaan Mengurus					
Emolumen		267,726,562.31		259,523,124.22	
Perkhidmatan dan Bekalan		178,873,889.01		183,539,788.72	
Aset		14,073,573.54		12,058,336.53	
Pemberian dan Kenaan		671,298,348.09		699,213,639.02	
Bayaran Tetap					
Perbelanjaan Lain		<u>3,373,979.05</u>		<u>1,266,816.94</u>	
		1,135,346,352.00		1,155,601,705.43	
Perbelanjaan Pembangunan	7				
Langsung		691,937,519.90		605,795,708.73	
Pinjaman		<u>0.00</u>		<u>0.00</u>	
		691,937,519.90		605,795,708.73	
Perbelanjaan Modal					
Pelbagai Perbelanjaan Modal		-		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>100,000,000.00</u>		<u>0.00</u>	
		100,000,000.00		0.00	
Bayaran Balik Pinjaman					
Pinjaman Dalam Negeri		0.00		0.00	
Pinjaman Kepada Agensi / Pindahan Kepada Akaun Amanah		<u>0.00</u>		<u>0.00</u>	
		0.00		0.00	
Bayaran Lain					
Bayaran Amanah		<u>12,965,464,371.44</u>		<u>0.00</u>	
		12,965,464,371.44		0.00	
Jumlah Bayaran		14,892,748,243.34		1,761,397,414.16	
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		(231,680,465.38)		(21,362,124.87)	
Wang Tunai Pada 1 Januari		<u>466,197,753.14</u>		<u>187,559,878.01</u>	
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		234,517,287.76		166,197,753.14	

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota:

Perbezaan Wang Tunai Pada 1 Januari 2021 dan Wang Tunai Pada 31 Disember 2020 adalah kerana simpanan tetap bagi tempoh tiga (3) bulan dan ke bawah sebanyak RM300,000,000.00 telah tersalah nyata sebagai pelaburan di Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2020.

LAMPIRAN V

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

		<u>2021</u>	<u>2020</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>
HASIL	5	1,250,000,000.00	1,592,724,615.81
<i>Tolak:</i>			1,633,464,502.59
Belanja Mengurus	5	1,729,401,905.67	1,135,346,352.00
LEBIHAN HASIL		<u>(479,401,905.67)</u>	457,378,263.81
<i>Tolak:</i>			445,994,166.86
Belanja Pembangunan	7	747,783,260.00	691,937,519.90
(KURANGAN)/LEBIHAN KESELURUHAN		<u>(1,227,185,165.67)</u>	<u>(234,559,256.09)</u>
			<u>(159,801,541.87)</u>
 (KURANGAN DIBIAYAI OLEH) / LEBIHAN DISOKONG OLEH:			
Pinjaman	6	0.00	0.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7	42,304,678.85	130,988,214.91
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	3,4,7	192,254,577.24	28,813,326.96
JUMLAH PEMBIAYAAN		234,559,256.09	159,801,541.87

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota:

Belanja Mengurus Sebenar adalah termasuk Bayaran Balik Pinjaman Dalam Negeri tetapi tidak termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan.

LAMPIRAN VI

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2021

	<u>Nota</u>	<u>2021</u>	<u>2020</u>
		RM	RM
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		157,383,026.27	177,533,357.42
Pelaburan		0.00	3,454,964.47
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam			
Pinjaman		3,173,940.35	8,679,677.12
Projek / Rancangan Bekalan Air		226,709,417.65	226,709,417.65
Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)		36,476,185.82	44,583,954.25
JUMLAH HUTANG AWAM		266,359,543.82	279,973,049.02

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

LAMPIRAN VII

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2021

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamal asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urus niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahan seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urus niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan, Hapuskira Pinjaman Amanah, Penukaran Pinjaman Kepada Ekuiti dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM).
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Persebahaman Penyata Kewangan dan Nota yang disertakan bagi tahun 2011 dan seterusnya telah dibuat penambahbaikan bagi memudahkan pemahaman dan penganalisisan.

Penyata Prestasi Kewangan adalah penyata baharu yang menunjukkan prestasi kewangan Kerajaan Negeri secara keseluruhan.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan yang kurang dari 3 bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut

Perihal	2021 RM	2020 RM
Wang Tunai Dalam Bank	233,558,213.96	466,092,233.14
Wang Tunai Dalam Perjalanan	852,673.80	120.00
Wang Tunai Dalam Tangan	106,400.00	105,400.00
JUMLAH WANG TUNAI	234,517,287.76	466,197,753.14

Note:

Wang Tunai Dalam Bank Tahun 2020 adalah berbeza sebanyak RM300,000,000.00 sebagaimana Penyata Kewangan Negeri Tahun 2020. Ini adalah kerana ianya telah tersalah nyata sebagai Pelaburan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020.

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

Dalam tahun 2021, sejumlah RM100.00 juta telahpun dilaburkan sebagai pelaburan yang melebihi tempoh 3 bulan yang mana semuanya terdiri daripada Pelaburan Am.

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakau semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebihan hasil tahun semasa sebanyak RM490.00 juta telahpun dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan.

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Perihal	2021		2020	
	Anggaran RM	Sebenar RM	Sebenar %	RM
BAKI PADA 1 JANUARI		203,358,035.47		257,363,868.61
HASIL				
Hasil Cukai	58,555,281.00	67,823,512.67	115.83	64,702,839.11
Hasil Bukan Cukai	130,644,908.80	148,085,456.07	113.35	137,326,425.98
Terimaan Bukan Hasil	1,060,799,810.20	1,376,815,647.07	129.79	1,431,435,237.50
<i>Jumlah Hasil</i>	1,250,000,000.00	1,592,724,615.81	127.42	1,633,464,502.59
				98.05

PERBELANJAAN MENGURUS

Emolumen	286,800,233.00	267,726,562.31	93.35	259,523,124.22	90.88
Perkhidmatan dan Bekalan	204,992,704.28	178,873,889.01	87.26	183,539,788.72	85.75
Aset	15,609,476.54	14,073,573.54	90.16	12,058,336.53	40.60
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	728,155,823.87	671,298,348.09	92.19	731,082,269.32	90.07
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	3,843,667.98	3,373,979.05	87.78	1,266,816.94	76.31
<i>Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)</i>	<i>1,239,401,905.67</i>	<i>1,135,346,352.00</i>	<i>91.60</i>	<i>1,187,470,335.73</i>	<i>88.44</i>
<i>Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan</i>	<i>490,000,000.00</i>	<i>490,000,000.00</i>	<i>100.00</i>	<i>500,000,000.00</i>	<i>100.00</i>
<i>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</i>	<i>1,729,401,905.67</i>	<i>1,625,346,352.00</i>	<i>93.98</i>	<i>1,687,470,335.73</i>	<i>91.58</i>
<i>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</i>	<i>(479,401,905.67)</i>	<i>(32,621,736.19)</i>		<i>(54,005,833.14)</i>	
BAKI PADA 31 DISEMBER		<u>170,736,299.28</u>			<u>203,358,035.47</u>

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Selaras dengan Seksyen 111B Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2021		2020			
	<i>Anggaran Asal</i>	<i>Anggaran Disemak</i>	<i>Sebenar</i>	<i>Sebenar</i>		
	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>%</i>		
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	33,770,000.00	33,770,000.00	37,653,491.66	111.50	34,421,119.19	95.53
Cukai Galian	350,000.00	350,000.00	624,662.95	178.48	255,159.75	69.81
Cukai Parit Dan Taliar	15,208.00	15,208.00	12,656.40	83.22	11,751.50	78.34
Cukai Hasil Hutan	0.00	0.00	407.00	0.00	0.00	0.00
Royalti	23,468,573.00	23,468,573.00	29,504,396.66	125.72	29,116,014.88	98.70
Levi	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Langsung Yang Lain	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Hiburan	951,500.00	951,500.00	27,898.00	2.93	898,793.79	87.94
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Cukai Pelancongan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah Hasil Cukai</i>	58,555,281.00	58,555,281.00	67,823,512.67	115.83	64,702,839.11	96.67
HASIL BUKAN CUKAI						
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	7,282,460.40	7,282,460.40	8,742,187.21	120.04	7,030,256.29	73.22
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	4,905,739.00	4,905,739.00	4,335,194.04	88.37	5,258,589.40	74.13
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	63,305,421.00	63,305,421.00	95,901,288.24	151.49	98,040,179.86	86.32
Sewaan	21,149,924.40	21,149,924.40	21,003,793.31	99.31	975,004.27	47.64
Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan*	28,889,274.00	28,889,274.00	13,625,432.85	47.16	19,533,285.56	67.61
Denda dan Hukuman	5,112,090.00	5,112,090.00	4,477,560.42	87.59	6,489,110.80	70.85
<i>Jumlah Hasil Bukan Cukai</i>	130,644,908.80	130,644,908.80	148,085,456.07	113.35	137,326,425.98	80.81
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulangan Balik Perbelanjaan	2,182,789.33	2,182,789.33	4,777,329.91	218.86	44,597,045.29	1638.17
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	1,058,617,020.87	1,058,617,020.87	1,371,621,557.54	129.57	1,386,838,192.21	97.26
Keuntungan Atas Jualan/ Pelupusan Aset	0.00	0.00	6,765.30	0.00	0.00	0.00
Sumbangan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Lain-Lain Terimaan	0.00	0.00	359,055.82	0.00	0.00	0.00
Keuntungan dari Perubahan Nilai Aset	0.00	0.00	50,938.50	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah Terimaan Bukan Hasil</i>	1,060,799,810.20	1,060,799,810.20	1,376,815,647.07	129.79	1,431,435,237.50	100.19
JUMLAH HASIL	1,250,000,000.00	1,250,000,000.00	1,592,724,615.81	127.42	1,633,464,502.59	98.05

Nota:

*Perubahan nama perihal mengikut sebagaimana sistem iSPEKS. Perihal sebelum ini ialah Keuntungan Pembiayaan Dan Perolehan.

(b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan dan Bekalan seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan berdasarkan kelulusan Dewan Undangan Negeri selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus mengikut Maksud Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Maksud Perbelanjaan	2021			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	%
PERBELANJAAN TANGGUNGAN				
T01 Pengelola Istana	38,518,417.51	38,518,417.51	36,174,596.99	93.92
T02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	10.00	10.00	0.00	0.00
T03 Dewan Undangan Negeri	398,020.00	398,020.00	370,989.70	93.21
T04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	55,340,802.49	55,340,802.49	27,849,567.26	50.32
T05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	722,750.00	722,750.00	541,399.25	74.91
<i>Jumlah Perbelanjaan Tanggungan</i>	<i>94,980,000.00</i>	<i>94,980,000.00</i>	<i>64,936,553.20</i>	<i>68.37</i>
PERBELANJAAN BEKALAN				
B01 Pejabat K.D.Y.M.M. Sultan Terengganu	0.00	0.00	0.00	0.00
B02 Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	57,011,366.30	57,011,366.30	52,223,965.98	91.60
B03 Dewan Undangan Negeri	16,099,879.60	16,099,879.60	15,845,491.25	98.42
B04 Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	483,212,251.90	836,641,251.90	825,691,524.54	98.69
B05 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri	890,573.68	890,573.68	851,546.32	95.62
B07 Pejabat Mineral Dan Geosains	214,612.00	214,612.00	160,624.90	74.84
B08 Jabatan Hal Ehwal Agama	94,615,710.74	94,615,710.74	88,407,391.20	93.44
B09 Jabatan Kebajikan Masyarakat	62,892,638.20	62,892,638.20	61,158,268.89	97.24
B10 Jabatan Kerja Raya	55,470,591.80	55,470,591.80	50,675,950.41	91.36
B11 Jabatan Pengairan Dan Saliran	19,362,618.73	19,362,618.73	17,331,897.36	89.51
B12 Pejabat Daerah Besut	12,506,033.16	12,506,033.16	11,879,551.73	94.99
B13 Pejabat Daerah Dungun	10,382,692.85	10,382,692.85	9,708,906.57	93.51
B14 Pejabat Daerah Hulu Terengganu	11,309,810.38	11,309,810.38	10,177,880.92	89.99
B15 Pejabat Daerah Kemaman	11,361,672.36	11,361,672.36	10,965,537.97	96.51
B16 Pejabat Daerah Kuala Terengganu	17,691,314.33	17,691,314.33	14,346,293.24	81.09
B17 Pejabat Daerah Marang	10,300,367.94	10,300,367.94	9,538,545.35	92.60
B18 Pejabat Daerah Setiu	8,254,785.44	8,254,785.44	7,938,154.87	96.16
B19 Pejabat Tanah Dan Galian	7,563,432.76	7,563,432.76	7,342,880.28	97.08
B20 Pejabat Tanah Besut	5,452,358.68	5,452,358.68	4,556,306.40	83.57
B21 Pejabat Tanah Dungun	4,626,760.20	4,626,760.20	4,543,880.70	98.21
B22 Pejabat Tanah Hulu Terengganu	4,838,435.80	4,838,435.80	4,154,357.36	85.86
B23 Pejabat Tanah Kemaman	5,337,256.46	5,337,256.46	5,295,948.55	99.23

B24 Pejabat Tanah Kuala Terengganu	5,706,708.99	5,706,708.99	4,992,824.44	87.49
B25 Pejabat Tanah Marang	4,371,019.13	4,371,019.13	4,160,242.41	95.18
B26 Pejabat Tanah Setiu	3,970,223.32	3,970,223.32	3,949,816.55	99.49
B27 Jabatan Kehakiman Syariah	9,292,895.20	9,292,895.20	9,266,567.45	99.72
B28 Pejabat Perancang Bandar & Desa	3,469,254.44	3,469,254.44	3,260,638.16	93.99
B29 Jabatan Perhutanan Negeri	24,688,801.16	24,688,801.16	23,489,857.93	95.14
B30 Jabatan Perkhidmatan Veterinar	9,663,721.81	9,663,721.81	9,255,027.86	95.77
B31 Jabatan Pertanian	18,037,372.94	18,037,372.94	16,232,514.22	89.99
B32 Pelbagai Perkhidmatan	270,000,000.00	270,000,000.00	249,876,280.79	92.55
B33 Jabatan Bekalan Air	972,905.67	972,905.67	918,571.59	94.42
B34 Pejabat Mufti Negeri	1,969,997.05	1,969,997.05	1,772,418.83	89.97
B35 Pejabat Daerah Kuala Nerus	22,734,981.24	22,734,981.24	14,693,631.95	64.63
B36 Pejabat Tanah Kuala Nerus	4,491,145.14	4,491,145.14	3,793,862.81	84.47
B37 Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu	2,228,716.27	2,228,716.27	1,952,639.02	87.61
<i>Jumlah Perbelanjaan Bekalan*</i>	1,280,992,905.67	1,634,421,905.67	1,560,409,798.80	95.47
PERBELANJAAN MENGURUS (sebelum caruman)	1,225,972,905.67	1,239,401,905.67	1,135,346,352.00	91.60
CARUMAN KE KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN	150,000,000.00	490,000,000.00	490,000,000.00	100.00
PERBELANJAAN MENGURUS (selepas caruman)	1,375,972,905.67	1,729,401,905.67	1,625,346,352.00	93.98

*Nota: Jumlah Perbelanjaan Bekalan adalah termasuk Caruman Kepada Kumpulan Wang Pembangunan

6 AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran balik pinjaman di bawah kuasa undang-undang Persekutuan. Pinjaman ini terdiri daripada pinjaman Dalam Negeri.

Semua baki Pinjaman dipindah ke Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun.

Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Perihal	2021		2020	
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
PINJAMAN				
Dalam Negeri				
Baki pada 1 Januari	0.00	0.00		
Terimaan	0.00	0.00		
Bayaran	0.00	0.00		
Baki pada 31 Disember	0.00	0.00		
<i>Jumlah Pinjaman pada 31 Disember</i>	<i>0.00</i>	<i>0.00</i>		

Tiada pinjaman yang diterima dalam tahun kewangan 2021.

7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, suratcara amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Perihal	Baki pada 01.01.2021 (Debit)/Kredit	Debit	Kredit	Baki pada 31.12.2021 (Debit)/Kredit
	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN				
Kumpulan Wang Pembangunan	(516,377,657.40)	688,700,244.90	532,304,678.85	(672,773,223.45)
Kumpulan Wang Bekalan Air	68,405,119.75	3,237,275.00	0.00	65,167,844.75
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Hutan	0.00	0.00	0.00	0.00
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	32,253,369.50	6,131,291.50	6,136,491.50	32,261,569.50
Akaun Penyelesaian	171,097.61	4,849,055,927.80	4,848,985,132.12	100,301.93
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	395,779,558.77	934,996,761.08	987,867,637.98	448,650,435.67
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	(19,765,511.77)	6,482,121,500.28	6,375,293,940.45	(126,593,071.60)
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM				
Kumpulan Wang Amanah Am	91,797,375.27	367,037,624.64	380,217,794.62	104,977,545.25
Kumpulan Wang Amanah Khas	0.00	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	91,797,375.27	367,037,624.64	380,217,794.62	104,977,545.25
AKAUN DEPOSIT				
Deposit Am	165,288,956.84	77,320,470.61	59,492,716.32	147,461,202.55
Deposit Khusus	3,811,258.69	3,320,626.83	3,626,015.66	4,116,647.52
Deposit Pelarasan	21,707,638.64	51,910,687.57	64,021,713.69	33,818,664.76
Deposit Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR)	0.00	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah Akaun Deposit</i>	190,807,854.17	132,551,785.01	127,140,445.67	185,396,514.83
JUMLAH AKAUN AMANAH DISATUKAN	262,839,717.67	6,981,710,909.93	6,882,652,180.74	163,780,988.48

Kurangan pembiayaan berjumlah RM234,559,256.08 di Penyata Prestasi Kewangan dibiayai oleh Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan dalam Tunai, Pelaburan dan Amanah.

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaun terimaan dari peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

(a) Kumpulan Wang Pembangunan

- (i) Kumpulan Wang Pembangunan mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diambil bagi maksud pembangunan, pemberian pertambahan hasil bahagian II dan terimaan bayaran balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini.

Bayaran kumpulan wang ini adalah perbelanjaan pembangunan secara langsung atau pinjaman.

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Perihal	2021		2020	
	(Debit)/Kredit	(RM)	(Debit)/Kredit	(RM)
BAKI PADA 1 JANUARI		(516,377,657.40)		(431,570,163.58)
TERIMAAN				
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan		490,000,000.00		500,000,000.00
Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan Ekonomi, Infrastruktur Dan Kesejahteraan Hidup		34,628,100.00		-
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian II		0.00		10,444,516.00
Bayaran Balik Pinjaman Daripada Agensi Kerajaan		7,676,578.85		10,543,698.91
<i>Jumlah Terimaan</i>		532,304,678.85		520,988,214.91
BAYARAN				
Perbelanjaan Pembangunan				
Langsung		688,700,244.90		605,795,708.73
Pinjaman		0.00		0.00
<i>Jumlah Bayaran</i>		688,700,244.90		605,795,708.73
<i>Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun</i>		(156,395,566.05)		(84,807,493.82)
BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN PADA 31 DISEMBER		(672,773,223.45)		(516,377,657.40)

(b) Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan & Perakaunan) 1980. Terimaan Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman dari Kerajaan Negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman. Wang dalam kumpulan ini hanya boleh dibelanja untuk maksud-maksud tertentu seperti dalam Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan & Perakaunan) 1980 termasuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

Kumpulan Wang Bekalan Air pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Perihal	2021		2020	
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
BAKI PADA 1 JANUARI		68,405,119.75		69,218,690.88
TERIMAAN				
Pindahan Dari Akaun Pinjaman		0.00		0.00
Jumlah Terimaan		0.00		0.00
BAYARAN				
Perbelanjaan Mengurus		0.00		813,571.13
Perbelanjaan Pembangunan				
Langsung		3,237,275.00		0.00
Pinjaman		0.00		0.00
Jumlah Bayaran		3,237,275.00		813,571.13
Lebihan/(Kurangan) Bagi Tahun		(3,237,275.00)		(813,571.13)
BAKI KUMPULAN WANG BEKALAN AIR PADA 31 DISEMBER		65,167,844.75		68,405,119.75

(c) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) bagi maksud tertentu. Sumber dari kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Bagi tahun berakhir 2021, beberapa akaun telah diklasifikasikan semula daripada Kumpulan Wang Amanah Awam ke Kumpulan Wang Amanah Kerajaan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) di bawah kategori Pelbagai Kumpulan Wang sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bil. 22/2020 bertarikh 29 Julai 2020.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

AKAUN PENYELESAIAN	2021		2020	
	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM	(Debit)/Kredit RM
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)		0.00		0.00
Lembaga Urusan dan Tabung Haji		0.00		0.00
Bayaran Insurans		0.00		0.00
Cukai Pendapatan - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)		0.00		0.00
Mahkamah Syariah		0.00		0.00

Terimaan Balik Bayaran Gaji Tahun Semasa	0.00	0.00
Biro Perkhidmatan Angkasa	0.00	0.00
Amanah Saham Bumiputra (ASB)	0.00	0.00
Gaji Kredit Terus Ke Bank	0.00	0.00
Kumpulan Wang Pinjaman Pelajaran MARA	0.00	0.00
Yayasan Negeri	0.00	0.00
Potongan Koperasi Pegawai Kerajaan	0.00	0.00
Potongan Ansuran PAKR	0.00	0.00
Potongan Pinjaman Perumahan Negeri	0.00	0.00
PERKESO	6,601.20	8,796.25
Zakat	0.00	0.00
Sewa Rumah Persekutuan	0.00	0.00
Parti Islam SeMalaysia (PAS)	0.00	0.00
Pelarasan Gaji	93,700.73	0.00
Akaun Penyelesaian Bank (Gaji)	0.00	0.00
Bayaran Balik Elaun Tahun Semasa	0.00	0.00
Pembayaran Peribadi Public Bank	0.00	0.00
Barisan Nasional (BN)	0.00	0.00
Pembri Kesatuan	0.00	0.00
Kelab Sukan dan Kebajikan	0.00	0.00
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran	0.00	0.00
Kesatuan Penolong Pegawai Tanah Semenanjung Malaysia	0.00	0.00
Tabung Pinjaman Pelajaran	0.00	0.00
Tabung Pembangunan Masjid	0.00	0.00
Amanah Potongan Coshare	0.00	0.00
Bayaran Balik Pelajaran Kementerian Pendidikan	0.00	0.00
Perbadanan Wakaf Negeri	0.00	0.00
Polongan Khas Ketua Setiausaha dan Ketua Perkhidmatan	0.00	0.00
Sumbangan Kepada Anak Yatim	0.00	0.00
Akaun Penyelesaian Bank	0.00	0.00
Pemindahan Wang Antara Bank	0.00	0.00
Akaun Penyelesaian Mekanisma Penggenapan Duit Syiling 1 Sen	0.00	0.00
Bayaran Pukal	0.00	0.00
Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT	0.00	162,301.36
Akaun Kena Bayar	0.00	0.00
JUMLAH AKAUN PENYELESAIAN	100,301.93	171,097.61

AKAUN PINJAMAN

Pinjaman Perumahan ADUN - Akaun Peruntukan	4,300,000.00	4,300,000.00
Pinjaman Perumahan ADUN - Akaun Urusniaga	(2,038,430.50)	(2,043,630.50)
Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu-Akaun Peruntukan	30,000,000.00	30,000,000.00
JUMLAH AKAUN PINJAMAN	32,261,569.50	32,256,369.50

AKAUN PERNIAGAAN

Akaun Stor Tak Beruntuk Dan Worksyop - Akaun Peruntukan	1,000,000.00	1,000,000.00
Akaun Worksyop Jabatan Kerja Raya	(825,988.30)	(825,988.30)
JUMLAH AKAUN PERNIAGAAN	174,011.70	174,011.70

KUMPULAN WANG LUAR JANGKA

Peruntukan Belanja Mengejut	5,000,000.00	5,000,000.00
JUMLAH KUMPULAN WANG LUAR JANGKA	5,000,000.00	5,000,000.00

PELBAGAI KUMPULAN WANG

Pendahuluan Membeli Kenderan Jabatan - Akaun Peruntukan	15,000,000.00	15,000,000.00
Pendahuluan Membeli Kenderan Jabatan - Akaun Urusniaga	(9,154,851.21)	(8,700,914.15)
Pendahuluan Membeli Kenderan ADUN - Akaun Peruntukan	1,500,000.00	1,500,000.00
Pendahuluan Membeli Kenderan ADUN - Akaun Urusniaga	(485,732.68)	(514,590.85)
Pendahuluan Diri Pegawai Awam - Akaun Peruntukan	900,000.00	4,400,000.00
Pelbagai - Akaun Peruntukan	0.00	0.00
Bayaran Terlebih Emolumen - Akaun Urusniaga	0.00	0.00
Pendahuluan Diri Pelbagai - Akaun Peruntukan	3,500,000.00	0.00
Pendahuluan Diri Pelbagai - Akaun Urusniaga	0.00	0.00
Peruntukan Kumpulan Wang Membeli Komputer	2,000,000.00	2,000,000.00
Pendahuluan Membeli Komputer	(299,546.15)	(339,049.97)
Pinjaman Kepada Badan Berkanun / Agensi - Akaun Peruntukan	435,000.00	435,000.00
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	0.00	0.00
Kumpulan Wang Pusingan Perumahan Awam Kos Rendah-Akaun Peruntukan	20,000,000.00	20,000,000.00
Akaun Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Rakyat Negeri Terengganu-Urusniaga	0.00	0.00
Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri	303,024,919.72	266,852,493.31
Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	24,134,801.66	25,812,525.89
Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Bencana Malapetaka*	10,438,255.34	7,356,952.85
Kumpulan Wang Amanah Tabung Kebajikan Anak-Anak Yatim Terengganu*	50,704.92	110,003.82
Kumpulan Wang Amanah Tabung Pemelibahaan Penyu*	214,627.93	58,313.25
Kumpulan Wang Amanah Konservasi Hidupan Liar*	57,357.60	99,672.77
Kumpulan Wang Amanah Tabung Darul Iman (TDI)*	783,063.92	1,626,471.35
Kumpulan Wang Amanah Tabung Darul Iman 2 (TDI 2)*	75,665.20	72,545.20
Kumpulan Wang Amanah Pengurusan SPEKS*	648,739.95	760,019.95

Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Peperiksaan*	28,920.00	18,130.00
Kumpulan Wang Amanah Dana Khas Kerajaan Negeri Terengganu*	32,708,781.31	35,358,773.62
Kumpulan Wang Amanah Tabung Tukun Tiruan / Unjam*	189,214.40	241,324.90
Kumpulan Wang Amanah Prog. Pusat Pembangunan Keluarga Islam & Pembangunan Sosial *	43,704.00	44,384.00
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Antara Sempadan Terengganu,Kelantan & Pahang*	2,545,999.20	2,545,999.20
Kumpulan Wang Amanah Bhg.Sokongan Keluarga Terengganu*	1,478,653.96	1,475,653.96
Kumpulan Wang Amanah Jab.Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Terengganu*	3.00	3.00
Kumpulan Wang Amanah Kelas Pengajian Islam**	1,371,634.64	875,837.64
Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Elaun JKKK*	2,852,200.00	492,850.00
Kumpulan Wang Amanah Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Terengganu*	11,066.00	11,066.00
Kumpulan Wang Amanah Taman Negeri Terengganu***	71,505.39	114,853.39
Kumpulan Wang Amanah Tabung Perumahan Mampu Milik Neg. Terengganu*	18,998,962.35	7,729,063.94
Kumpulan Wang Amanah Kumpulan Wang Pemulihian Bersama*	6,234,364.00	5,168,364.00
Kumpulan Wang Amanah Pengambilan Tanah	4,118,409.52	0.00
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG	443,476,423.97	390,605,547.07
JUMLAH PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN	448,650,435.67	395,779,558.77

Nota:

* Akaun-Akaun Amanah ini telah diklasifikasikan semula daripada Kumpulan Wang Amanah Awam ke Kumpulan Wang Amanah Kerajaan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) kerana sebelum ini ianya telah tersilap dikategorikan di dalam Kumpulan Wang Amanah Awam yang mana dalam sistem ISPEKS Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dikelaskan sebagai Ekuiti manakala Kumpulan Wang Amanah Awam sebagai Liabiliti.

**Akaun-Akaun Amanah ini telah diklasifikasikan semula daripada Kumpulan Wang Amanah Awam dan ditukar nama akaun. Akaun lama - Akaun Amanah SPAIT

***Baki Akaun Amanah Tabung Konservasi Tanah Bercah Setiu dipindahkan ke Akaun Amanah Taman Negeri.

(d) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Akta Khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah akta sendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada badan-badan atau orang perseorangan untuk tujuan tertentu.

Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

	2021 (Debit)/Kredit RM	2020 (Debit)/Kredit RM
AMANAH AM		
Peruntukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalanraya Negeri	0.00	0.00
Akaun Amanah Derma Kebakaran	0.00	0.00
Akaun Amanah Deposit Penyelenggaraan Jalanraya (Utiliti)	93,471,898.32	81,519,041.99
Akaun Amanah Skim Galakan Jentera Pertanian	721,312.35	709,700.75
Akaun Amanah Tabung Pusingan Projek Ternakan	274,890.35	278,690.30
Akaun Amanah Ubat-Ubatan dan Klinik	2,844,354.62	2,865,897.40
Potongan Akaun Amanah Dana Masjid Negeri Terengganu	0.00	0.00
Tabung Khas Bantuan Pemuliharaan Kebajikan, Marang	426,021.33	413,779.08
Mini Kompleks Pemasaran LKIM Dungun	0.00	0.00
Akaun Amanah Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam	4,043,308.25	3,047,734.36
Akaun Amanah Penyelesaian Antara Kerajaan Negeri & Jabatan Mengakaun Sendiri	2,014.00	1,516.00
Akaun Amanah Dana Masjid Negeri Terengganu	1,015,127.32	1,059,562.42
Tabung Wang Amanah Tenaga Nasional Berhad	1,928,550.00	1,688,550.00
Projek Ternakan Di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Negeri Terengganu	250,068.71	212,902.97
Jumlah Amanah Am	104,977,545.25	91,797,375.27
JUMLAH KUMPULAN WANG AMANAH AWAM	104,977,545.25	91,797,375.27

(e) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am, Deposit Khusus dan Deposit Pelarasan. Deposit Am dan Deposit Khusus adalah yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu.

Akaun Deposit yang dipegang bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2021 <i>(Debit)/Kredit</i>	2020 <i>(Debit)/Kredit</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
DEPOSIT AM		
Deposit Am Jabatan Negeri		
Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	98,495,722.82	114,505,518.03
Deposit Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan	48,454,042.46	50,296,388.81
Deposit Am Jabatan Persekutuan	47,287.27	0.00
<i>Jumlah Deposit Am</i>	147,461,202.55	165,288,956.84
DEPOSIT KHUSUS		
Deposit Sistem Kultur Laut		
Deposit Premium Tanah	3,852.00	15,922.00
Deposit Bagi Perintah Bersaling	4,111,495.52	3,576,688.69
Deposit Tunggakan Cukai Tanah	1,000.00	1,000.00
<i>Jumlah Deposit Khusus</i>	4,116,647.52	3,811,258.69
DEPOSIT PELARASAN		
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal		
Deposit Terimaan Tidak Diperuntukkan*	2,689,825.66	0.00
Deposit Pembelian Penyelenggaraan Pihak Berkuasa Tempatan	29,450,659.10	20,295,458.64
<i>Jumlah Deposit Pelarasan</i>	33,818,664.76	21,707,638.64
JUMLAH AKAUN DEPOSIT	185,396,514.83	190,807,854.17

Nota:

*Sebelum ini ianya dinamakan Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan yang telah dilaporkan dalam Kumpulan Wang Amanah Awam. Pengelasan semula ini adalah berdasarkan Carta Akaun Akruan Sistem iSPEKS.

8. MEMORANDUM ASET

Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan kerajaan iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan, tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Pinjaman Boleh Dituntut

Pinjaman Boleh Dituntut adalah baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun.

Perihal	<i>Baki Belum Selesai pada</i>	
	2021	2020
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
Pihak Berkuasa Tempatan	0.00	0.00
Badan Berkanun	157,383,026.27	177,533,357.42
JUMLAH PINJAMAN BOLEH DITUNTUT	157,383,026.27	177,533,357.42

Maklumat terperinci Pinjaman Boleh Dituntut dapat dirujuk di Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut pada 31 Disember 2021.

Pelaburan

Pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan tidak dilaporkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan tetapi dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pelaburan yang diturunkan dalam penyata tersebut adalah berdasarkan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK) yang berkaitan iaitu PPK2, PPK6 dan PPK 8.

Pada tahun 2021, Akaun Pelaburan Amanah Saham Darul Iman (ASDI) berbaki sifar berbanding berbaki RM3.45 juta pada 31 Disember 2020. Ini ialah kerana keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Kali Ke-33 Tahun 2021 bertarikh 3 November 2021 yang bersetuju bagi penjualan keseluruhan pegangan unit pelaburan Amanah Saham Darul Iman (ASDI) sebanyak 13,396,527.62 unit kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).

Maklumat terperinci Pelaburan dapat dirujuk di Lampiran 4 - Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada 31 Disember 2021.

9. MEMORANDUM LIABILITI

Memorandum Liabiliti menunjukkan sebahagian liabiliti kerajaan iaitu Hutang Awam yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(a) Hutang Awam

Mulai tahun kewangan 2010, Hutang Awam diklasifikasi sebagai Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri selaras dengan Para 1.10. *Cash Basis* IPSAS. Baki Hutang Awam pada tahun 2021 adalah merangkumi baki pokok dan tunggakan faedah pada 31 Disember 2021.

Hutang Awam pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	<i>2021</i>	<i>2020</i>
	<i>RM</i>	<i>RM</i>
PINJAMAN		
Dalam Negeri		
Kerajaan Negeri	263,185,603.47	271,293,371.90
Badan Berkanun	3,173,940.35	8,679,677.12
<i>Jumlah Pinjaman</i>	266,359,543.82	279,973,049.02
JUMLAH HUTANG AWAM	266,359,543.82	279,973,049.02

Maklumat terperinci Hutang Awam dapat dirujuk di Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam pada 31 Disember 2021.

10. AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2021 berjumlah RM44,257,853.84 juta. Berdasarkan rekod jabatan dilaporkan sebagai maklumat tambahan walaupun Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai.

